

ISU PERUNDANGAN BERKAITAN PERKAHWINAN ETNIK ROHINGYA BERAGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Intan Nadia Ghulam Khan (Ph.D), Haliza A.Shukor (Ph.D), Hasnizam Hashim (Ph.D),
Nabilah Yusof

intan@usim.edu.my, hliza@usim.edu.my, hasnizam@usim.edu.my, nabilah@usim.edu.my,
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

ABSTRAK

Di Malaysia, undang-undang keluarga Islam yang terkandung di dalam Akta dan Enakmen negeri-negeri memperuntukkan prosedur perkahwinan yang perlu dipatuhi agar perkahwinan tersebut memenuhi hukum syarak selain diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Salah satu bangsa masyarakat pelarian beragama Islam yang berlindung di negara ini adalah etnik Rohingya yang berasal dari Wilayah Arakan, Myanmar. Memandangkan mereka beragama Islam, maka, timbul persoalan tentang undang-undang yang akan mengawal selia perkahwinan di kalangan etnik Rohingya yang beragama Islam di negara ini. Justeru, kertas kerja yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan melihat isu perundangan berkaitan perkahwinan etnik Rohingya yang beragama Islam di Malaysia.

Katakunci: Pelarian, Malaysia, Etnik Rohingya, Perkahwinan, Islam.

1. Pendahuluan

1.1 Latar Belakang Etnik Rohingya

Myanmar atau dikenali sebagai Burma pada suatu ketika dahulu adalah merupakan sebuah negara Asia Tenggara yang mempunyai lebih daripada 100 kumpulan etnik bersempadan dengan India, Bangladesh, China, Laos dan Thailand. Rakhine atau dikenali sebagai Arakan merupakan sebuah negeri yang terletak di pantai barat Myanmar. Negeri Rakhine terdiri daripada pelbagai etnik dan etnik Rohingya adalah merupakan etnik majoriti berbanding dengan etnik-etnik lain seperti Chin, Mro, Dainet dan Khami. Terdapat dua agama yang paling utama bagi penduduk Rakhine iaitu agama Budha dan agama Islam (Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer, 2018).

Rohingya adalah berasal daripada perkataan Rohang. Etnik Rohingya merupakan pengikut agama Islam dan mereka mendiami kawasan yang bersempadan dengan negara Bangladesh. Pada asalnya, kedua-dua pengikut agama ini hidup dengan aman sehingga pada awal tahun 70 an. Etnik Rohingya telah didiskriminasi pada ketika itu dan berlaku tragedi penghapusan Muslim Rohingya secara beramai-ramai oleh Junta Myanmar yang menyebabkan mereka terpaksa lari keluar dari Arakan (Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer, 2018).

1.2 Pelarian

Definisi pelarian (*refugee*) terkandung di dalam Konvensyen 1951 berkenaan Status Pelarian dan Protokol 1967. Perkara 1 Konvensyen ini memperuntukkan definisi pelarian seperti berikut:

- (1) *Has been considered a refugee under the Arrangements of 12 May 1926 and 30 June 1928 or under the Conventions of 28 October 1933 and 10 February 1938, the Protocol of 14 September 1939 or the Constitution of the International Refugee Organization; Decisions of non-eligibility taken by the International Refugee Organization during the period of its activities shall not prevent the status of refugee being accorded to persons who fulfil the conditions of paragraph 2 of this section;*
- (2) *As a result of events occurring before 1 January 1951 and owing to well-founded fear of being persecuted for reasons of race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion, is outside the country of his nationality and is unable or, owing to such fear, is unwilling to avail himself of the protection of that country; or who, not having a nationality and being outside the country of his former habitual residence as a result of such events, is unable or, owing to such fear, is unwilling to return to it. In the case of a person who has more than one nationality, the term "the country of his nationality" shall mean each of the countries of which he is a national, and a person shall not be deemed to be lacking the protection of the country of his nationality if, without any valid reason based on well-founded fear, he has not availed himself of the protection of one of the countries of which he is a national.*

Secara ringkasnya, pelarian adalah mereka yang tidak boleh pulang ke negara asal mereka disebabkan oleh kebimbangan ditindas kerana bangsa, agama, kewarganegaraan, pandangan politik atau keahlian kumpulan sosial tertentu mereka. Status pelarian adalah suatu perisyntahan dan mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum status mereka diiktiraf secara rasmi (Amnesty International, 2010).

Pelarian adalah di antara penduduk yang menetap di Malaysia yang tidak harus diketepikan isu-isu berkaitan mereka. Antara isu yang dihadapi oleh masyarakat pelarian di Malaysia termasuk etnik Rohingya adalah berkaitan perkahwinan. Islam mensyariatkan perkahwinan di antara lelaki dan perempuan agar mereka dapat menikmati hidup berkeluarga di samping dapat menunaikan tanggungjawab bersama dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan tersebut.

1.3 Penghijrahan Etnik Rohingya ke Malaysia.

Etnik Rohingya terpaksa menjadi orang pelarian kerana perlombagaan dan tampuk pemerintahan sering bersilih ganti sehingga undang-undang Kewarganegaraan Burma 1982 tidak menyediakan apa-apa peruntukan yang khas bagi etnik Rohingya. Tambahan pula, orang Rohingya ini juga dilabelkan sebagai orang asing yang tidak mempunyai hak kerana mereka ini dibawa masuk oleh penjajah British walaupun sejarah membuktikan bahawa mereka sebenarnya telah menetap di bumi Arakan sejak seawal 1430 tahun yang lalu (Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer, 2018).

Pergolakan yang berlaku di Myanmar telah menjadikan etnik Rohingya dianaya dengan teruk oleh Junta Myanmar. Situasi bertambah kritis apabila tiada peruntukan undang-undang yang dapat membela hak mereka di negara mereka sendiri. Akibatnya mereka tiada jalan lain melainkan terpaksa meninggalkan negara mereka dan mlarikan diri ke negara lain bagi mendapatkan perlindungan dan keselamatan.

Antara negara utama yang menjadi pilihan etnik Rohingya untuk mendapatkan perlindungan adalah Malaysia. Antara sebab utama etnik Rohingya terutamanya pelarian wanita memilih Malaysia adalah kerana Islam merupakan agama bagi negara ini. Jumlah kedatangan mereka ke negara ini meningkat saban hari sehingga melebihi 100 ribu orang pelarian. Selain itu, Malaysia menjadi destinasi pilihan mereka juga atas sikap toleransi dan pembelaan kerajaan Malaysia terhadap etnik Rohingya di samping faktor-faktor lain seperti faktor ekonomi dan peluang pekerjaan (Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer, 2018).

2. Rohingya di Malaysia

Menurut Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), setakat Jun 2018, bilangan pelarian dan pemohon suaka yang berdaftar dengan UNHCR ialah seramai 158,620 yang mana 137,380 merupakan pelarian dan pemohon suaka dari negara Myanmar dan 73,900 terdiri dari etnik Rohingya (UNHCR).

Rata-rata masyarakat Rohingya yang datang ke Malaysia adalah amat rendah tahap pelajaran mereka termasuk tidak ada pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama. Ini adalah disebabkan diskriminasi oleh pemerintah junta Myammar sehingga masyarakat Rohingya tidak bebas menjalankan aktiviti beragama, termasuk dinafikan hak kewarganegaraan (Majlis Al-Ulama Al-Rohingya Malaysia, 2011).

Menurut kajian, pelbagai masalah yang dihadapi oleh etnik Rohingya di Malaysia antaranya ialah pengangguran dan tiada jaminan pekerjaan, kesukaran mendapatkan sijil kelahiran dan sijil perkahwinan, tidak mendapat pendidikan formal, masalah kesihatan serta terdedah pada ancaman ditahan dan dihantar keluar dari Malaysia (Tan Pok Suan, 2006). Jikalau ditinjau permasalahan etnik Rohingya di Malaysia, ianya berpunca daripada ketiadaan dokumentasi pengenalan diri dan kedudukan Rohingya sebagai warga yang tidak mempunyai negara (*stateless people*).

Walaupun pelbagai rintangan yang mendarat, masyarakat Rohingya tidak berputus asa dalam perjuangan mereka walaupun berada di bumi asing. Ini terbukti dengan penubuhan Majlis Ulama Rohingya (MUR) untuk membantu masyarakat Rohingya dalam hal agama dan kebajikan. MUR dijadikan pusat madrasah serta tempat bagi etnik Rohingya berbincang tentang kebajikan etnik mereka. Penubuhan MUR juga ialah atas rasa tanggungjawab untuk mendidik generasi kedua etnik Rohingya dari segi pendidikan agama. Tugas mengajar di madrasah dilakukan oleh etnik Rohingya yang berkelulusan universiti dan mereka mendapat sokongan daripada Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan (Mior Kamarul Shahid, 2008). Salah satu isu penting yang melanda masyarakat Rohingya yang memerlukan penyelesaian adalah isu pernikahan dan perceraian yang melanggar syariat Islam (Majlis Al-Ulama Al-Rohingya Malaysia, 2011).

3. Status Rohingya di Malaysia

Pada peringkat antarabangsa, sumber utama bagi undang-undang pelarian ialah Konvensyen 1951 berkaitan Status Pelarian dan Protokol 1967. Selain itu, undang-undang adat antarabangsa juga menjadi sumber undang-undang pelarian di peringkat antarabangsa. Terdapat juga instrumen *regional* yang menyediakan perlindungan tambahan. Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 menggambarkan nilai asas kemanusiaan di atas persefakatan global seperti kenyataan di bawah ini:

“The 1951 Convention Relating to the Status of Refugees and the 1967 Protocol to the Convention reflect a fundamental human value on which global consensus exists and are the first and only instruments at the global level which specifically regulate the treatment of those who are compelled to leave their homes because of a rupture with their country of origin” (Volker Turk, 2003).

Perlindungan undang-undang antarabangsa hanya berpusat ke atas individu yang memenuhi kriteria status pelarian seperti yang temaktub dalam Konvensyen Pelarian 1951. Konvensyen 1951 menggariskan pelbagai hak yang perlu diberikan kepada pelarian. Ini termasuk kebebasan beragama dan bergerak, hak untuk bekerja, pendidikan dan dokumen perjalanan. Selain itu, negara tidak boleh menghantar pulang pelarian ke negara asal mereka atas alasan mereka akan berhadapan dengan pelbagai ancaman di negara asal (SUARAM, 2011).

Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian ditubuhkan pada 14 Disember 1950 oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations General Assembly*). Agensi ini diberi mandat untuk mengetuai dan menyelaras tindakan pada peringkat antarabangsa untuk melindungi pelarian dan menyelesaikan masalah-masalah pelarian di seluruh dunia. Objektif utama agensi ini adalah untuk memelihara hak-hak dan kemaslahatan pelarian (UNHCR).

Berpandukan Konvensyen 1951, mandat penting bagi agensi ini adalah untuk memastikan perlindungan 32.9 juta pelarian di seluruh dunia. Ia menggalakkan perlindungan hak asasi pelarian dan bahawa mereka tidak akan dihantar pulang secara paksa ke negara di mana mereka menghadapi ketidakadilan dan kekejaman (UNHCR). Akauntabiliti adalah prinsip penting bagi Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian melihat kepada mandat Suruhanjaya ini untuk mengetuai dan menyelaras tindakan antarabangsa dalam melindungi, membantu dan mencari penyelesaian untuk pelarian (Volker Turk, 2010).

Justeru, perlindungan untuk pelarian seperti yang diperuntukkan dalam Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 adalah hanya untuk pelarian yang memenuhi kriteria pelarian dan mengikat negara yang menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967.

Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) merupakan badan utama bagi perlindungan dan bantuan bagi pemohon suaka dan pelarian di Malaysia. Ini berikutan Malaysia tidak mengiktiraf pelarian dan pemohon suaka dan bukan juga penandatangan Konvensyen 1951 berkenaan Status Pelarian ataupun Protokol 1967 (Bernama, 2008). Ini dapat dilihat dalam kes *Subramaniyam Subakaran* [2007] 1 CLJ 470, iaitu seorang warganegara Sri Lanka yang telah dituduh di bawah Seksyen 6 (1) dan seksyen 6 (3) Akta Imigresen 1959/63. Dalam kes tersebut, mahkamah memutuskan bahawa seksyen tersebut terpakai kepada pemohon sebagai pemohon suaka dan juga pelarian dan Konvensyen 1951 berkenaan Status Pelarian ataupun Protokol 1967 tidak mengikat Mahkamah di Malaysia.

UNHCR mengendalikan semua aktiviti yang berhubungkait dengan penerimaan, pendaftaran, dokumentasi dan penetapan status pemohon suaka dan pelarian di Malaysia disebabkan ketiadaan undang-undang dan peraturan pentadbiran dalam menangani situasi pemohon suaka atau pelarian di negara ini. Walaubagaimanapun, kerajaan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan UNHCR dalam menangani isu-isu pelarian berdasarkan asas-asas kemanusiaan (UNHCR).

4. Isu-isu perkahwinan etnik Rohingya di Malaysia

Di Malaysia, selain daripada Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, undang-undang lain yang boleh diakses oleh pelarian wanita khususnya wanita Rohingya adalah undang-undang berkaitan perkahwinan dan penceraian. Etnik wanita pelarian Rohingya ini adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan secara tidak langsung tertakluk kepada undang-undang keluarga Islam di bawah negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh, Seksyen 4, Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 (AUKI) mengatakan bahawa Akta ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan. Berdasarkan Akta ini, ia menunjukkan bahawa AUKI ini terpakai bagi semua orang Islam termasuklah pelarian Rohingya dan pelarian-pelarian Islam yang lain. (Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984).

Perkahwinan yang berlaku di kalangan warga Rohingya sebenarnya banyak menimbulkan keraguan. Selain melibatkan soal wali, juru nikah serta sijil nikah yang dikeluarkan, terdapat juga isu pendaftaran perkahwinan. Keadaan yang berlaku ini sudah tentu akan menimbulkan pelbagai masalah bukan sahaja kepada pasangan yang terbabit malahan anak-anak yang dilahirkan (Temu bual bersama Ahli Majlis Ulama Rohingya, 2011). Walaubagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan Agama Islam Negeri yang menerima permohonan pendaftaran perkahwinan pelarian untuk diproses sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai contoh, Negeri Selangor telah membenarkan permohonan kebenaran berkahwin bagi pemegang kad UNHCR untuk diproses (Laman Web Rasmi, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan).

Secara ringkasnya, terdapat dua isu utama berkaitan perkahwinan etnik Rohingya seperti yang dibincangkan di bawah:

4.1 Tauliah jurunikah di kalangan etnik Rohingya

Disebabkan tidak wujud pihak berkuasa atau badan yang mengawal pendaftaran dan peraturan nikah kahwin dan perceraian bagi masyarakat Islam Rohingya secara keseluruhan terutama bagi yang bukan pemegang kad UNHCR, maka terdapat terlalu banyak urusan perkahwinan dan perceraian yang melanggar syariat Islam. Antaranya adalah; jurunikah yang meragukan, wali tidak sah, saksi tidak sah (tidak layak jadi saksi, contohnya kes murtad), perempuan yang berkahwin semula tidak mematuhi tempoh ‘iddah, pernikahan hanya dibuat secara lisan tanpa dokumen sijil pernikahan/ perceraian, kelahiran anak (tanpa sijil nikah) menimbulkan masalah pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara, hospital dan UNHCR, masalah perceraian tanpa pengesahan akibatnya ada yang mendakwa bujang walhal mereka masih menjadi isteri orang yang belum diceraikan (Majlis Al-Ulama Al-Rohingya Malaysia, 2011).

Sekalipun pengikut atau etnik Rohingya bermazhab Hanafi dan mengamalkan mazhab Hanafi dalam urusan pernikahan mereka, namun apabila mereka berada di negara ini, mahu tidak mahu, mereka akan turut terikat dengan prosedur pernikahan yang telah ditetapkan di negara ini.

Menurut Mazhab Shafie, mana-mana wanita yang ingin berkahwin, memerlukan wali sama ada wali mujbir (bapa dan datuk) atau wali ikhtiyar (semua wali mengikut tertib). Sekiranya tiada wali, maka hakim akan bertindak sebagai wali berdasarkan hadis Rasulullah SAW. Wali hakim pula mestilah terdiri daripada orang yang dilantik oleh kerajaan atau pemerintah di negara tersebut dan diberikan tauliah (Mustafa Al-Khin et. al., 2004).

Oleh yang demikian, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh etnik Rohingya ini (Temu bual bersama Ahli Majlis Ulama Rohingya, 2011), timbul persoalan siapakah yang melantik wali tersebut dan siapa pula yang mengiktirafnya. Dalam Mazhab Shafie, perkahwinan tanpa wali, apatah lagi sekiranya seseorang wanita itu mengahwinkan dirinya sendiri tanpa wali, maka perkahwinan tersebut adalah sama sekali tidak sah. Hal ini

berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidak sah nikah melainkan oleh wali dan ada dua orang saksi yang adil. Perkahwinan yang berlaku selain itu adalah batal”. Begitu juga sebuah hadis lain yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, maksudnya: “Seseorang perempuan tidak harus mengahwinkan perempuan lain dan tidak harus mengahwinkan dirinya sendiri” (Mustafa Al-Khin et. al., 2004).

Mengambil contoh warga Malaysia bermazhab Shafie yang berkahwin di tempat lain seperti di Thailand, tanpa wali atau tanpa menggunakan kadi yang bertauliah, maka perkahwinan pasangan itu perlu dibubarkan. Tetapi, jika kadi di tempat tersebut mempunyai tauliah, perkahwinan itu adalah sah tertakluk kepada perintah mahkamah syariah sama ada syarat-syarat sah nikah di bawah hukum syarak dipenuhi atau tidak yang membolehkannya didaftarkan di Jabatan Agama Islam apabila kembali ke Malaysia (Seksyen 31 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984).

Terdapat kekangan dalam isu tauliah pihak MUR kerana dengan mengambil contoh wilayah persekutuan, pelantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar Kanan, Pendaftar, atau Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, dan Ruju’ Orang Islam di wilayah-wilayah persekutuan adalah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 28 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984 (Bengkel Pembentukan dan Pengurusan Keluarga Pelarian Rohingya di Malaysia: Isu Perkahwinan dan Perceraian, 2018).

4.2 Pendaftaran perkahwinan etnik Rohingya

Pernikahan yang tidak sah sudah pasti akan menimbulkan pelbagai masalah khususnya terhadap anak-anak yang dilahirkan. Berdasarkan perbincangan dalam Bengkel Pembentukan dan Pengurusan Keluarga Pelarian Rohingya di Malaysia: Isu Perkahwinan dan Perceraian (2018), perkahwinan etnik Rohingya di Malaysia boleh wujud dalam beberapa keadaan seperti berikut:

4.2.1 Perkahwinan sesama etnik Rohingya

Perkahwinan di antara etnik Rohingya dengan pasangan yang juga etnik Rohingya mendarangkan implikasi bergantung pada samada pasangan tersebut ialah pemegang kad UNHCR atau sebaliknya. Sekiranya salah seorang pasangan merupakan pemegang kad UNHCR, maka perkahwinan tersebut boleh didaftarkan. Namun begitu, sekiranya kedua-duanya bukan pemegang kad UNHCR, maka perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan.

4.2.2 Perkahwinan etnik Rohingya dengan pasangan yang merupakan Pendatang Tanpa Izin (PATI)

Sekiranya etnik Rohingya ingin berkahwin dengan pasangan yang merupakan pendatang asing dengan izin (PADI), perkahwinan tersebut boleh didaftarkan di kedutaan pasangan tersebut. Namun begitu, sekiranya salah seorang pasangan ialah PATI, maka perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan. Perkahwinan etnik Rohingya dengan rakyat tempatan boleh didaftarkan.

Berhubungan isu pelarian Rohingya ini, Intan Suria Hamzah et.al. (2016) mencadangkan bahawa hak untuk perkahwinan perlu diberikan kepada Rohingya. Pemberian hak ini perlulah disusuli suatu peraturan dan pemantauan daripada pihak berkuasa. Nafisah Rosya Nasution Syamsul Bahari (2018) juga berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah mengambil tindakan holistik bagi mengatasi masalah perkahwinan warga Rohingya sesama mereka, warga asing yang lain dan juga dengan warga tempatan agar dapat memelihara keturunan atau nasab di dalam komuniti mereka. Bantuan ini adalah atas dasar kemanusiaan dan tanggungjawab bersama sesama insan (Intan Suria Hamzah et. al., 2016).

5. Cadangan dan Penutup

Setiap individu mempunyai hak untuk hidup dan dilindungi keselamatannya sama ada individu tersebut ialah seorang warganegara atau tidak. Ini terbukti dengan adanya UNHCR yang berperanan melindungi warga pelarian dan juga pemohon suaka. Islam juga menggariskan panduan agar keselamatan mereka dilindungi, apatah lagi sekiranya mereka beragama Islam. Keterbatasan undang-undang merupakan kekangan bagi sesebuah negara untuk mengiktiraf warga pelarian dan pemohon suaka namun masih ada jalan untuk menghulurkan bantuan atas dasar memelihara kesucian agama. Kerajaan Malaysia hendaklah mengambil tindakan holistik bagi mengatasi masalah perkahwinan warga Rohingya ini. Etnik Rohingya amat memerlukan pemantauan secara keseluruhan dari badan kerajaan dalam soal nikah kahwin yang berlaku di antara mereka. Ini disebabkan ketiadaan rekod status mereka sama ada masih berkahwin atau sebaliknya terutamanya bagi etnik Rohingya yang bukan pemegang kad UNHCR boleh mengakibatkan berlakunya kejadian di mana wanita yang masih lagi belum habis ‘iddah telah berkahwin dengan lelaki lain, wanita yang masih berstatus isteri orang berkahwin dengan lelaki lain dan sebagainya. Terdapat kebimbangan terhadap kesahtarafan generasi kedua Rohingya akibat daripada perkahwinan yang dijalankan tanpa pemantauan dan pengawasan dari pihak berkuasa.

Rujukan

Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984.

Amnesty International. (June 2010). Diseksa Dan Ditinggalkan: Pelarian Dinafikan Hak Di Malaysia. <http://www.amnesty>, di akses pada 20 Februari 2012.

Bengkel Pembentukan dan Pengurusan Keluarga Pelarian Rohingya di Malaysia: Isu Perkahwinan dan Perceraian. (26 July 2018). Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM dan Persatuan Prihatin Pelarian.

Bernama. (5 Mei 2008). Bernama.com, diakses pada 7 Jun 2019.

Intan Suria Hamzah et. al. (2016). Migrasi Rentas Sempadan Etnik Rohingya dan Implikasi Terhadap Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 01, 36-43.

Intan Suria Hamzah et. al. (2016). Pelarian Rohingya dan Isu-isu Kontemporari di Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9), 11-23.

Khairunnisah Binti Sayed Ahmad Kabeer. (2018). *Perlindungan Pelarian Wanita Rohingya dan Prinsip Maqasid Syariah dalam Isu-isu Kontemporari Syariah dan Undang-Undang*. Bangi: Brightside Solution Sdn. Bhd.

Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my/index.php/my/arkib-berita-2/2071-lawatan-kerja-jabatan-agama-islam-negeri-pahang-jaip-ke-asrama-darul-hidayah-kampung-baru-kuala-lumpur-2>, diakses pada 24 Julai 2019.

Majlis Al-Ulama Al-Rohingya Malaysia. (31 Mac 2011). Profil Bersama Program dan Aktiviti Majlis Ulama Rohingya (MUR).

Mior Kamarul Shahid. (2008). “Tiada Tempat Mengadu: Secebis Kehidupan Masyarakat Rohingya”. *Milenia Muslim*. Kuala Lumpur: YADIM. Januari.

Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan ‘Ali Al-Syarbaji. (2004). *Al-Fiqh al-Manhaji (terj) Dato’ Hj. Mohd Yusof bin Hj. Ahmad dan Tn. Hj. Jamil bin Abdul Wahab*. Jilid IV. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Nafisah Rosya Nasution Syamsul Bahari. (2018). Hak Pendidikan Pelarian Kanak-Kanak Rohingya Menurut Maqasid Syariah. dalam *Isu-isu Kontemporari Syariah dan Undang-Undang*. Bangi: Brightside Solution Sdn. Bhd.

SUARAM, <http://refugeedesk-suaram.blogspot.com/2011/07/apa-itu-konvensyen-pelarian-1951.html>, di akses pada 20 Februari 2019.

Subramaniyam Subakaran v. PP [2007] 1 CLJ 470

Tan Pok Suan. (2006). Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan Dalam Ketidakpastian Hidup. *Akademika*, 68, 111-122.

Temu bual bersama Ahli Majlis Ulama Rohingya pada 22 Jun 2011 (Rabu), 2.30 petang di Pejabat Majlis Ulama Rohingya di Setapak.

UNHCR, www.unhcr.org.my, di akses pada 20 Julai 2019.

Volker Turk et. al. (2010). Strengthening Accountability in UNHCR. *International Journal of Refugee Law*, 22 (2): 159.

Volker Turk. (2003). Refugee Protection in International Law: An Overall Perspective. *Refugee Protection in International Law UNHCR's Global Consultations on International Protection*. United Kingdom: Cambridge University Press.